

SESI TAKLIMAT CAWANGAN PERUNDANGAN DAN CAWANGAN PROVOS MARSYAL TUDM BERSAMA ASISTEN KETUA STAF TADBIR

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3056-sesi-taklimat-cawangan-perundangan-dan-cawangan-provos-marsyal-tudm-bersama-asisten-ketua-staf-tadbir

KUALA LUMPUR, 20 Feb 18 – Sesi taklimat Cawangan Perundangan dan Cawangan Provos Marsyal TUDM bersama Asisten Ketua Staf Tadbir, YBhg Brig Jen Ahmad bin Abd Rahman TUDM telah diadakan di Kompleks Mahkamah Tentera, Pangkalan Udara Kuala Lumpur hari ini.

Sesi taklimat ini dibahagikan kepada dua sesi, di mana sesi pertama adalah daripada Cawangan Perundangan yang telah disampaikan oleh Pengarah Perundangan, Lt Kol Zainurin bin Mohd Dom TUDM. Manakala bagi sesi kedua adalah daripada Cawangan Provos Marsyal TUDM yang disampaikan oleh Provos Marsyal Udara, Lt Kol Mokhtar bin Abdul Rahman TUDM.

Di akhir sesi taklimat, Asisten Ketua Staf Tadbir telah menyampaikan amanat kepada kedua-dua cawangan sebagai manfaat dan panduan dalam menjalankan tugas.



